



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO
TARIKH	:	1/10/2021 (JUMAAT)
JABATAN	:	PERHILITAN



PERHILITAN memeriksa pelbagai spesies burung dalam serbuan di sebuah rumah di Segamat, Johor.

Bingit burung bongkar rahsia

Kicauan tanpa henti dedah aktiviti rumah dijadikan stor simpanan spesies dilindungi

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Putrajaya

Kicauan bingit burung tanpa henti jelas mengganggu kejiranan, sekali gus meningkatkan sangsi apabila berpuluhan burung dibela di dalam ruang tamu, dapur dan bilik kediaman.

Itu antara tindakan segerintir individu dan ahli sindiket penyeludupan burung yang dikesan menjadikan rumah sebagai stor menyorokkan berpuluhan ekor spesies burung dilindungi.

Ketua Pengaruh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, tindakan membela dan menyimpan burung dilindungi secara haram itu dibongkar hasil operasi bersepada dilakukan anggotanya di beberapa lokasi dikenal pasti.

Dalam serbuan pertama jam 2.15 petang semalam, seramai 15 anggota Perhilitan dibantu Pasukan Gerakan Am (PGA) dan kaitangan jabatan Perhutani menyerbu sebuah kediaman di Segamat, Johor.

"Hasil pemeriksaan dilakukan menemui beberapa-



PIHAK Perhilitan merampas pelbagai spesies burung dilindungi dari sebuah rumah di Segamat, Johor.

pa sangkar burung di simpang dalam kediaman itu.

"Di dalamnya berisi burung bayan puling, burung murai batu, burung serindit, burung kelicap kunciut selain seekor ayam hutan," katanya.

Menurutnya, seorang wanita tempatan berusia 30-an yang juga penghuni rumah itu ditahan untuk soal siasat.

"Wanita itu gagal menunjukkan sebarang dokumen sah untuk menyimpan hidupan liar itu. Sulisan itu semua burung berkenaan dirampas dan kes disiasat mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010," katanya.

Beliau berkata, serbuan sama turut dilakukan di sebuah lagi rumah di Segamat, Johor.

gamat, Johor, kira-kira setjam kemudian.

"Hasil serbuan kedua itu, pihak kami merampas dua ekor burung bayan puling, burung bayan nuri (2 ekor), burung murai batu (sebuah), burung kelicap kunciut (seekor), burung merbah luris leher (seekor), burung serindit (seekor) dan burung punai kambu (seekor).

"Seorang lelaki tempatan berusia 60-an ditahan untuk soal siasat selepas suspek turut gagal mengemukakan dokumen sah menyimpan hidupan liar berkenaan," katanya.

Kadir berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan semua burung itu turut dijual atau mahu di seludup ke luar negara.